

Perdana Menteri mulakan lawatan rasmi 3 hari ke Qatar

Doha: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di sini kelmarin untuk lawatan rasmi tiga hari ke Qatar.

Pesawat membawa Perdana Menteri selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha pada jam 3 petang (waktu tempatan) dan ketibaan beliau di Terminal Diraja disambut Menteri Pengiring, iaitu Menteri Perbandaran Qatar, Dr Abdullah Abdulaziz Turki Al-Subaie.

Turut menyambut, Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah dan Duta Besar Malaysia ke Qatar, Zamshari Shahrani sebelum Ismail Sabri memeriksa barisan kawalan kehormat di barisi Pengawal Istiadat Amiri serta menaiki kenderaan khas.

Semalam, Perdana Menteri melawat Ladang Baladna, antara ladang ternakan lembu terbesar di rantau itu yang terletak kira-kira 60 kilometer di utara Doha bagi menyaksikan pertu-

karan surat hasrat (LOI) antara PRIMA dan Lembaga Pelabuhan Qatar, selain menghadiri sesi libat urus dengan komuniti perniagaan serta Keluarga Malaysia di Doha.

Hari ini, Ismail Sabri dijadual melakukan kunjungan hormat ke atas Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani sebelum menghadiri majlis makan tengah hari di Amiri Diwan.

Memperkuh kerjasama Malaysia-Qatar yang terjalin sejak sekian lama antara agenda utama dan kedua-dua pemimpin dijangka mencarta jalan ke arah kolaborasi ekonomi serta usaha pemulihan pascapandemik, selain bertukar pandangan mengenai isu antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Ini lawatan rasmi pertama Ismail Sabri ke Qatar selepas dilantik sebagai Perdana Menteri ke-9 Malaysia pada 21 Ogos tahun lalu.

BERNAMA



Ismail Sabri melawat Ladang Baladna di Doha, semalam.

(Foto BERNAMA)